



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Bilangan 6 Tahun 2022

KELULUSAN PROGRAM/AKTIVITI PEMBANGUNAN PELAJAR DI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN UiTM SHAH ALAM

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pengetua dan Pengurusan Kolej Kediaman di UiTM Shah Alam berkenaan kelulusan program/aktiviti pembangunan pelajar di kolej-kolej kediaman di UiTM Shah Alam.

LATAR BELAKANG

2. Seperti sedia maklum, sebelum ini program/aktiviti pembangunan pelajar di kolej-kolej kediaman dikendalikan oleh Pengetua dan Pengurusan Kolej Kediaman. Program/aktiviti yang dianjurkan tidak dapat diseragamkan dari segi kawalan, pemantauan dan dokumentasi laporan.
3. Justeru, sebagai penambahbaikan dalam tadbir urus pelaksanaan program pembangunan pelajar UiTM, Jawatankuasa Mesyuarat Tabung Amanah HEP (Khas) Bilangan Ke 4 pada 25 Mei 2022 telah memutuskan semua permohonan mesti melalui kelulusan Pengarah Pembangunan Pelajar dan Timbalan Naib Canselor HEP UiTM berkuatkuasa pada 25 Mei 2022.
4. Petikan Minit Mesyuarat Tabung Amanah HEP (Khas) Bilangan Ke 4 pada 25 Mei 2022 adalah seperti di lampiran.

PELAKSANAAN

5. Permohonan kelulusan program/aktiviti pembangunan pelajar di kolej-kolej kediaman UiTM Shah Alam hendaklah memohon kepada Pengarah Pembangunan Pelajar dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar bermula pada 25 Mei 2022.

TARIKH DIKELUARKAN


6. Pekeliling ini dikeluarkan pada 7 Jun 2022.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini bermula pada 7 Jun 2022.

PEMAKAIAN

8. Pemakaian Pekeliling ini adalah untuk semua permohonan program/aktiviti pelajar di kolej-kolej kediaman UiTM Shah Alam.



PROF. DR. MOHD SAZILI SHAHIBI
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Dikeliling Kepada:

Bendahari UiTM

Semua Ketua Bahagian/Pusat/Unit HEP

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Pengetua-Pengetua Kolej

Semua Penasihat-Penasihat Persatuan/Kelab

YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK)

Bil. Fail : 100-HEP (PT 6/5)

Tarikh : 7Jun 2022

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS AKAUN AMANAH
HAL EHWAL PELAJAR BIL.4/2022**

Tarikh : 25 Mei 2022 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat HEP, Aras 2,
Kompleks Budisiswa

Kehadiran :

1. YBhg. Prof. Dr.Mohd Sazili Shahibi
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar
Pengerusi
2. Dr. Shabsuzan Zakaria
Pengarah Pembangunan Pelajar
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Timbalan Pengerusi
3. Puan YM Raja Ta'ayah Raja Musa
Penolong Bendahari Kanan
Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar
Wakil Bendahari
4. Puan Noor Afzan Zakaria
Timbalan Pendaftar
Pusat Kegiatan Pelajar
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Setiausaha
5. Encik Mohd Sharil Fazha Mohd Said
Pegawai Eksekutif
Pusat Kegiatan Pelajar
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Ahli Turut Hadir
5. Puan Aminah Aman
Timbalan Pendaftar
Bahagian Rekod Pelajar & Konvokesyen
Pejabat Pendaftar
Wakil Pendaftar

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
A	<p>ALUAN Pengerusi</p> <p>Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi dengan bacaan surah Al-Fatihah dan pengerusi mengucapkan terima kasih kepada yang hadir seterusnya memulakan mesyuarat.</p> <p>Pengerusi dan ahli mesyuarat membaca pengisytiharan kepentingan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah HEP.</p>	Pengerusi
B	<p>PENGESAHAN MINIT YANG TERDAHULU</p> <p>-</p>	
C	<p>PERKARA BERBANGKIT</p> <p>-</p>	
D	<p>PENYATA KEWANGAN AKAUN AMANAH HEP</p> <p>-</p>	
E	<p>PERANCANGAN AKTIVITI BAHAGIAN / PUSAT / FAKULTI / KOLEJ / PERSATUAN PELAJAR</p> <p>KEPUTUSAN PERMOHONAN PERUNTUKAN (surat kelulusan adalah seperti di lampiran)</p> <p>1. UNIT KORPORAT DAN TUGAS KHAS HEP</p> <p>Perbincangan:</p> <p>Jawatankuasa telah membentangkan permohonan peruntukan bagi Menjalankan Program Rancak Raya UiTM anjuran MPP 2021 / 2022 yang berjumlah RM23,062.00.</p> <p>Keputusan:</p> <p>Jawatankuasa bersetuju meluluskan peruntukan bagi menjalankan Program Rancak Raya UiTM anjuran MPP 2021 / 2022 yang berjumlah RM12,022.00. menggunakan Wang Pengurusan Perkhidmatan Pelajar HEP.</p> <p>2. PUSAT SUKAN</p> <p>Perbincangan:</p> <p>Jawatankuasa telah membentangkan 3 permohonan peruntukan daripada Pusat Sukan:-</p> <p>1.1. Permohonan bagi penyertaan Karnival Sukan Mahasiswa (KARISMA) "Virtual Edition" 2022 berjumlah RM14,378.00.</p>	<p>UKTK</p> <p>Jawatankuasa/ Sekretariat PKP</p> <p>Pusat Sukan</p>

	<p>1.2. Permohonan menyertai Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 berjumlah RM367,170.00.</p> <p>1.3. Permohonan Peruntukan Penganjuran Sukan Antara Kolej (SUKOL 2022) berjumlah RM101,470.00.</p> <p>Keputusan:</p> <p>Jawatankuasa bersetuju meluluskan peruntukan bagi 3 permohonan daripada Pusat Sukan berjumlah RM461,538.00 menggunakan Wang Amanah Sukan Pelajar (KOD: 417000) mengikut kadar dan keputusan mesyuarat :-</p> <p>1.6 Kelulusan peruntukan bagi penyertaan Karnival Sukan Mahasiswa (KARISMA) "<i>Virtual Edition</i>" 2022 berjumlah RM14,378.00.</p> <p>1.7 Kelulusan peruntukan bagi Karnival Sukan Mahasiswa (KARISMA) "<i>Virtual Edition</i>" 2022 berjumlah RM352,470.00.</p> <p>1.8 Kelulusan peruntukan bagi Penganjuran Sukan Antara Kolej (SUKOL 2022) berjumlah RM94,690.00.</p> <p>3. PUSAT KEGIATAN PELAJAR</p> <p>Perbincangan:</p> <p>Jawatankuasa telah membentangkan Permohonan Peruntukan bagi Menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan Persatuan / Kelab UiTM Bil 1 / 2022 berjumlah RM25,910.00.</p> <p>Keputusan:</p> <p>Jawatankuasa bersetuju meluluskan peruntukan bagi Menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan Persatuan / Kelab UiTM Bil 1 / 2022 berjumlah RM25,910.00 menggunakan Wang Pengurusan Perkhidmatan Pelajar.</p> <p>4. INSTITUT KEPIMPINAN PELAJAR</p> <p>Perbincangan:</p> <p>Jawatankuasa telah membentangkan 2 permohonan peruntukan daripada Institut Kepimpinan Pelajar:-</p> <p>4.1. Permohonan Peruntukan Konvensyen Pemerikasaan Kepimpinan Mahasiswi 2022 berjumlah RM99,200.00 dan RM30,000.00 di bawah tanggungan Kementerian Pengajian Tinggi</p> <p>4.2. Permohonan Kelulusan Peruntukan Program Pendidikan Pengundi UiTM Semester Mac 2022 Program Associate Trainer (ATT) UiTM berjumlah RM170,820.00.</p>	<p>Jawatankuasa/ Sekretariat PKP</p> <p>PKP</p> <p>Jawatankuasa/ Sekretariat PKP</p> <p>IKP</p> <p>RM30,000.00 telah disalurkan pada 23 Mei 2022</p>
--	--	---

	<p>Keputusan:</p> <p>Jawatankuasa telah memutuskan kedua – dua permohonan tersebut diluluskan secara dasar. Pemohon perlu mengemukakan perbelanjaan sebenar kepada urusetia mesyuarat untuk proses surat kelulusan.</p>	Jawatankuasa/ Sekretariat PKP
5.	<p>UNIT DEBAT</p> <p>Perbincangan:</p> <p>Jawatankuasa telah membentangkan Permohonan Peruntukan bayaran bagi Jurulatih Kelab Debat Bahasa Melayu Tempoh Januari hingga Disember 2022 yang berjumlah RM19,200.00.</p> <p>Keputusan:</p> <p>Jawatankuasa bersetuju meluluskan peruntukan bagi bayaran Jurulatih Kelab Debat Bahasa Melayu Tempoh Januari hingga Disember 2022 yang RM19,200.00 menggunakan Wang Pengurusan Perkhidmatan Pelajar.</p>	Unit Debat
6.	<p>PUSAT KEBUDAYAAN</p> <p>Perbincangan:</p> <p>Jawatankuasa telah membentangkan Permohonan Peruntukan Tambahan Bagi Majlis Pelancaran dan Sidang Media Penerbitan Lagu Album Single bagi Memasarkan Bakat Mahasiswa UiTM yang berjumlah RM4,240.00.00.</p> <p>Keputusan:</p> <p>Jawatankuasa memutuskan kelulusan peruntukan bagi Majlis Pelancaran dan Sidang Media Penerbitan Lagu Album Single dibawa ke peringkat kelulusan Pengarah Pembangunan Pelajar kerana amaun tidak lebih daripada RM 6,000.00.</p>	Jawatankuasa/ Sekretariat PKP
F	<p>PENGESAHAN KELULUSAN AKTIVITI LEPAS</p> <p>-</p>	
G	<p>HAL-HAL LAIN</p> <p>Bagi mengawal selia, menyelaras dan memantau pelaksanaan program-program pembangunan pelajar di kolej - kolej kediaman, Jawatankuasa memutuskan semua permohonan mesti melalui kelulusan Pengarah Pembangunan Pelajar dan Timbalan Naib Canselor HEP UiTM berkuatkuasa pada 25 Mei 2022.</p>	Jawatankuasa/ Sekretariat PKP

	<p>PENUTUP</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari dengan bacaan surah Al-'Asr.</p>	
--	---	--

Disediakan oleh:



NOOR AFZAN ZAKARIA
Timbalan Pendaftar
Pusat Kegiatan Pelajar
(Setiausaha)
Tarikh: 7 Jun 2022

Disahkan oleh:



PROF. DR. MOHD SAZILI SHAHIBI
Timbalan Naib Canselor (HEP)
(Pengurus)
Tarikh: 7 Jun 2022